

# INISIATIF MINGGU SDG

Penuntut UCSI sertai pameran interaktif



SEORANG penuntut menunjukkan permainan di stesen kendaliannya semasa pameran sempena Minggu SDG di UCSI University.



DUA penuntut menunjukkan replika bagi memberi gambaran kepentingan mewujudkan bandar dan komuniti lestari.



PROJEK menghidupkan lampu LED antara inisiatif penuntut yang mengambil bahagian dalam pameran sempena Minggu SDG.

Redzuan Muharam  
gen.y@hmetro.com.my

Sempena minggu Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), sebuah pameran interaktif diadakan di UCSI Universiti membabitkan kesempatan menunjukkan kreativiti menerusi projek ciptaan inovasi, permainan dan aktiviti lain bertepatan dengan tema program berkenaan.

Pameran itu membabitkan 17 kumpulan bersamaan dengan bilangan stesen yang setiap satunya menyampaikan mesej daripada matlamat perlu dicapai oleh semua negara di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menjelang 2030.

Objektifnya adalah menguji kemampuan penuntut untuk melakukan tugas secara berkumpulan selain memberi kefahaman berhubung SDG menerusi aktiviti interaktif di setiap stesen.

Seorang penuntut yang mengambil bahagian, Ng Zen Hao, 19, berkata, kumpulannya ditugaskan berkongsi alternatif bagi menghadapi perubahan iklim dan kesannya.

Menurut Ng, selepas berbincang, mereka sepakat untuk melakukan demonstrasi mengenai cara menghidupkan lampu LED menggunakan sumber yang sedia ada.

“Perubahan iklim adalah isu global yang memerlukan alternatif untuk menghadapinya kerana tidak membabitkan satu tetapi banyak negara di seluruh dunia.

“Jadi, penting untuk bersiap sedia terutama dalam membantu kawasan yang tiada bekalan kuasa elektrik.

“Selepas melakukan kajian, kami dapati buah lemon boleh digunakan untuk menghidupkan lampu LED ia membuktikan ada sumber yang boleh digunakan sekiranya berlaku gangguan terhadap bekalan elektrik akibat perubahan iklim,” katanya.

Sementara itu, Muhammad Hishamuddin Hilmy Hamid, 24, pula menjadikan pameran itu sebagai platform untuk kumpulannya berkongsi gambaran kesan daripada peningkatan populasi penduduk terhadap kelestarian bandar dan komuniti.

Bagi menyampaikan mesej berkenaan, fakta berkaitan dipamerkan berserta model komuniti untuk memberi gambaran yang lebih jelas.

“Purata penghuni bandar adalah 3.5 bilion dan angkat itu dijangka meningkat kepada 6.5 bilion menjelang 2050.

“Itu tidak termasuk peningkatan dari aspek lain dan bagi mewujudkan sebuah bandar lestari, pelbagai inisiatif perlu dilakukan bermula dari sekarang.

“Negara kita tidak terkecuali daripada berusaha ke arah mencapai matlamat itu antaranya menerusi projek pemulihan sungai, pembangunan perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) dan hari bebas kenderaan,” katanya.